

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

PLG 452 - Komputer dan Pendidikan

Masa : [2 jam]

---

Jawab SEMUA soalan.

1. Terangkan secara ringkas perbezaan antara program komputer Logo dan Darts dengan merujuk kepada:  
  - [a] keinteraksian
  - [b] motivasi
  - [c] Isi kandungan
  - [d] Penggunaan

[20 markah]
2. Dalam perolehan program-program komputer untuk kegunaan dalam pengajaran, terangkan, dengan sebab-sebabnya, tiga pertimbangan pendidikan utama yang akan anda ambil kira untuk membuat perolehan itu.  

[20 markah]
3. Terangkan secara ringkas bagaimana sistem pengarang komputer SuperPILOT memudah dan menghadkan rekabentuk program-program pendidikan komputer untuk kegunaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.  

[20 markah]
4. Berdasarkan pengalaman anda sebagai perekabentuk program pendidikan berasaskan komputer dalam kursus ini, bincangkan baik buruknya melatih guru-guru di sekolah untuk mencipta program-program pendidikan berasaskan komputer.  

[20 markah]
5. Pilih suatu matapelajaran yang terdapat dalam kurikulum sekolah di Malaysia, terangkan secara spesifik beberapa cara bagaimana bahan-bahan berasaskan komputer boleh digunakan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran matapelajaran itu di sekolah.  

[20 markah]

